

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.04.2018**

**Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nyatakan apakah status terkini projek The Tun Razak Exchange.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tun Razak Exchange (TRX) diterajui oleh TRX City Sdn Bhd (TRX City) yang kini merupakan anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Sebagai pemaju induk projek nasional ini, TRX City bertanggungjawab menjadi penyelia keseluruhan pembangunan 70 ekar tersebut, menarik para pelabur dan membangunkan rangkaian infrastruktur bagi keseluruhan tapak.

145

Pada masa ini, proses mengkomersialkan atau *commercialization*, dengan izin, sedang berterusan. 70% daripada tanah TRX telah pun dikomersialkan. Antara pelabur dan penyewa bangunan TRX adalah HSBC Bank, Affin Bank, Prudential, IJM Bhd, Lendlease, Mulia Property Development, Lembaga Tabung Haji, WCT Bhd, dan Veolia.

Pembangunan TRX kini sedang rancak dilaksanakan. Fasa 1 TRX dijangka akan mula beroperasi pada awal tahun 2019 di mana The Exchange 106, Menara Prudential dan rangkaian infrastruktur TRX dijangka siap sebelum penghujung tahun ini. The Exchange 106 dibangunkan oleh Mulia Property Development Sdn Bhd manakala Menara Prudential pula dibangunkan oleh IJM RE Commercial Sdn Bhd.